

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 22.08.2025 MASA: 9.00AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM *LET'S CLEANUP*
WORLD SEMPENA WORLD CLEANUP DAY 2025
PERINGKAT KEBANGSAAN BERSAMA PERSATUAN
PENDIDIK LESTARI HIJAU PULAU PINANG (GREW)**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**23 OGOS 2025 (SABTU)
7.00 PAGI**

**RESTORAN THONG NE THAE, JETI BATU MUSANG
BATU KAWAN
SEBERANG PERAI SELATAN**

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu
EXCO Perumahan Dan Alam Sekitar

Yang Berhormat Tuan Goh Choon Aik
ADUN Bukit Tambun

Yang Berbahagia Dato' Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid
Datuk Bandar Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Khou Jerome
Pengerusi Of Green Educators Workgroup (GREW)

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Henry Teh
National Leader Of World Clean Up Day Malaysia

Yang Dihormati Rakan-Rakan Strategik

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Pengetua-Pengetua, Guru-Guru Besar Dan Pelajar-Pelajar Yang
Di Hormati

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Bersama-sama marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi yang penuh bermakna ini bagi menjayakan **Majlis Perasmian Program Let's Cleanup World Sempena World Cleanup Day 2025 Peringkat Kebangsaan Bersama Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang (GREW)**.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu, EXCO Perumahan dan Alam Sekitar merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Perai, atas kesudian Yang Berhormat hadir untuk merasmikan program yang berimpak besar kepada kelestarian alam sekitar negeri dan negara kita.
3. Setulus penghargaan juga saya ucapkan kepada Encik Khou Jerome, Penggerusi GREW; rakan-rakan strategik penaja korporat, institusi pendidikan, warga pendidik, para sukarelawan dan semua hadirin yang hadir pada pagi ini, bagi menjayakan program yang menekankan kesedaran terhadap kebersihan pantai dan kelestarian alam sekitar.

4. Program pada hari ini merupakan manifestasi kerjasama erat antara Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan GREW, sebuah persatuan yang digerakkan oleh warga pendidik sebagai platform perintis dalam memajukan Pendidikan untuk Pembangunan Lestari (ESD). Usaha ini amat selaras dengan agenda global Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
5. Pelaksanaan *World Cleanup Day 2025* yang berlangsung serentak di seluruh Malaysia melibatkan lebih daripada 77 kawasan di seluruh negara iaitu 35 kawasan di Pulau Pinang serta 42 kawasan di negeri-negeri lain merangkumi sekolah, universiti, pantai, taman dan komuniti. Penglibatan yang menyeluruh ini menggambarkan komitmen seluruh lapisan Masyarakat; daripada pelajar, guru, belia, NGO, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hingga komuniti awam dalam menggembungkan tenaga bagi memelihara kelestarian alam sekitar.
6. Bagi Seberang Perai sahaja, sembilan (9) lokasi strategik telah dikenal pasti, melibatkan seramai 2,230 peserta daripada pelbagai latar belakang. Penyertaan ini adalah bukti jelas bahawa nilai kebersihan, gotong-royong serta kepedulian terhadap warisan alam sekitar masih subur dalam jiwa masyarakat kita.

7. Sejak program *Let's Cleanup World* ini dilaksanakan, kita telah menyaksikan keberhasilan yang memberangsangkan. Sehingga tahun 2024, jumlah sisa kitar semula yang berjaya dikutip mencecah 6,141.96 kilogram. Pencapaian ini bukan sekadar angka, tetapi menjadi lambang kejayaan kolektif yang lahir daripada komitmen dan dedikasi kita semua.
8. Justeru, saya ingin menegaskan bahawa usaha ini harus diteruskan dan diperhebatkan, bukan sahaja melalui program kesedaran, malah melalui amalan berterusan dalam kehidupan seharian.
9. Saya menyimpan harapan besar agar program ini akan menjadi pemangkin kepada budaya kebersihan, kelestarian dan cintakan alam sekitar, khususnya dalam kalangan generasi muda. Dengan semangat kebersamaan ini, saya yakin hasrat untuk menjadikan Seberang Perai sebagai bandar raya rendah karbon yang berdayahuni, mampan, inklusif, hijau, kompetitif serta berteraskan konsep Bandar Pintar akan dapat direalisasikan.
10. Saya juga berharap semua pihak sama ada kerajaan, swasta, NGO, maupun masyarakat awam, dapat terus memperkuuh sinergi bagi memastikan bahawa usaha pemeliharaan alam sekitar bukanlah satu

acara bermusim, tetapi menjadi satu gaya hidup yang lestari dan berkekalan.

11. Sebelum saya akhiri ucapan, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada GREW, para penaja korporat, sekolah-sekolah, universiti, pertubuhan komuniti serta semua peserta yang telah berganding bahu menjayakan program pada pagi ini. Semoga usaha murni ini akan memberi manfaat kepada masyarakat, alam sekitar, dan generasi masa hadapan.
12. Dengan penuh yakin, saya percaya laungan kita “*Let’s Cleanup World*” bukan sekadar kata-kata semangat, tetapi akan diterjemahkan kepada tindakan nyata dalam menjayakan agenda kelestarian.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***